

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan, **MENYANTUNI PEJUANG KECIL**

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

Laporan

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077




9 772637 007004



PENGAJARAN KOLABORATIF: APLIKASI KALKULUS LANJUTAN DALAM SAINS NUKLEAR

Program pengajaran kolaboratif bertajuk ***Applying Advanced Calculus: Insights from Nuclear Science and Engineering*** telah berjaya dilaksanakan pada 16 Januari 2026. Program ini merupakan hasil kerjasama antara pensyarah kursus *Further Calculus for Engineers (MAT455)* dengan pakar industri daripada Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Norfarizan binti Mohd Said. Objektif utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan secara langsung kepada pelajar kejuruteraan mengenai kepentingan dan aplikasi praktikal kalkulus lanjutan dalam sektor teknologi nuklear, sekali gus menterjemahkan teori matematik kepada penyelesaian masalah dunia sebenar.




**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Fakulti
Sains Komputer
Dan Matematik


ACADEMIC WEBINAR

APPLYING ADVANCED CALCULUS: INSIGHTS FROM NUCLEAR SCIENCE AND ENGINEERING

Join us for insightful webinars designed to empower your knowledge.



**DR. NORFARIZAN BINTI
MOHD SAID**
Speaker
MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY




**DR. NOR HANIM
BINTI ABD RAHMAN**
Moderator
COORDINATOR JSKM


16 JANUARY 2026

AT 3:00PM - 4:30PM



GOOGLE MEET



Antara input utama yang dikongsikan adalah penggunaan persamaan pembezaan dan kamiran dalam memodelkan tindak balas nuklear serta pengangkutan neutron. Dr. Norfarizan menekankan bahawa pengiraan yang tepat adalah kritikal bagi menjamin keselamatan dan kecekapan operasi reaktor, seperti yang dipraktikkan di Reaktor TRIGA PUSPATI (RTP). Selain itu, pelajar turut didedahkan dengan teknik kalkulus lanjutan dalam bidang perubahan nuklear melalui *Boron Neutron Capture Therapy*, iaitu kaedah rawatan menggunakan neutron untuk merawat kanser kompleks seperti kanser otak.



Secara keseluruhannya, kolaborasi ini telah berjaya membuka minda pelajar tentang prospek kerjaya dan peranan penting jurutera dalam memajukan teknologi nuklear negara. Sesi ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman akademik, malah menyuntik semangat untuk menguasai subjek matematik sebagai persediaan menjadi jurutera yang kompeten. Adalah diharapkan agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi merapatkan jurang antara modul pembelajaran di universiti dengan keperluan sebenar pihak industri.





اَبُو بَكْرٍ مَرْثَدِي
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637007004